



BULETIN INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

edisi 1 - 2009

# Fakta

[www.ippbm.gov.my](http://www.ippbm.gov.my)

RESEARCH

DISSEMINATION OF INFORMATION

NETWORKING



**B**ELIA dan jenayah adalah satu label yang sinonim yang sering dikaitkan oleh masyarakat apabila membincangkan tentang perkara tersebut. Perspektif sedemikian menimbulkan stigma terhadap golongan muda negara yang dikatakan menjadi punca kepada kes-kes jenayah yang berlaku. Mengapa masyarakat mempunyai persepsi sebegini? Adakah benar golongan belia merupakan golongan yang "aktif" menyumbang kepada kadar jenayah negara kita.

Belia yang mempunyai ciri sosio budaya tertentu seperti pengangguran, tercicir daripada pendidikan, kehidupan keluarga yang tidak terurus dengan baik, mudah terpengaruh, cepat putus asa, tidak menyukai tugas yang memerlukan tumpuan merupakan antara faktor-faktor belia terlibat dengan jenayah.

Merujuk kepada data penglibatan belia dalam jenayah bagi tahun 2008 daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), data empat negeri yang diterima iaitu Negeri Johor mencatatkan angka yang tinggi iaitu seramai 5,191 bersamaan 0.42% belia yang terlibat dalam jenayah. Negeri Kedah pula mempunyai 4,321 orang (0.58 peratus) berbanding dengan Negeri Melaka seramai 1,075 orang (0.38 peratus) belia yang terlibat dalam jenayah. Manakala belia yang terlibat dalam jenayah di Negeri Kelantan adalah seramai 2,011 orang (0.34 peratus). Secara puratanya, empat negeri ini mempunyai belia yang terlibat dalam jenayah seramai 0.43 peratus daripada keseluruhan penduduk belia.

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam merangka dan mengurus program pembangunan belia telah mengambil

inisiatif mewujudkan program "Generasi Bebas Jenayah" dengan memberi sasaran kepada golongan belia dan remaja yang berumur dari 13 hingga 40 tahun, khususnya belia-belia tidak berpersatuan dan mereka yang tinggal di kawasan berisiko tinggi untuk terlibat dengan perlakuan jenayah.

Pendekatan program ini adalah satu langkah yang proaktif oleh pihak Kementerian bagi memastikan anak muda negara mempunyai kesedaran mengenai bahaya perlakuan jenayah dan sebagai satu tindakan pencegahan jenayah oleh belia di peringkat komuniti. Di samping itu, ia dapat melahirkan generasi muda yang mempunyai tanggungjawab sosial bagi membanteras jenayah dalam masyarakat. Usaha ini perlu diberi sokongan padu agar dapat merealisasikan generasi muda yang bebas daripada jenayah.

# Cetusan CEO



**F**irman Allah S.W.T: (Maksudnya) "Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas yang terdiri daripada kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! keluarkanlah kami dari negeri ini, yang penduduknya zalim, dan jadikanlah

bagi kami daripada pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh). Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan taghut (pelampau). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya Syaitan itu adalah lemah". (Surah al-Nisa, ayat 75-76).

Seawal pembukaan jendela 2009, kita telah dikejutkan oleh serangan Zionis Israel ke atas muka bumi Palestin yang telah meragut banyak nyawa yang tidak berdosa seperti golongan wanita, kanak-kanak dan orang awam. Pembunuhan ganas yang dilakukan oleh Yahudi Israel di Gaza, Palestin amat memilukan dan menyayat hati. Ia bukan sahaja mencabar perasaan persaudaraan Islam atau ukhuwah Islamiyyah bahkan turut mencemar dan mengotori nilai kemanusiaan sejagat.

Seperti biasa, Malaysia amat prihatin dan benci terhadap segala bentuk kezaliman dan penindasan terhadap mana-mana negara oleh negara lain. Malaysia juga tidak akan berdiam diri dan akan terus memperjuangkan supaya kekejaman dan keganasan yang dilakukan Israel terhadap rakyat Palestin dihentikan segera. Sehubungan dengan itu, atas dasar kemanusiaan maka pelbagai tabung bantuan diwujudkan bagi mengurangkan kesengsaraan yang dialami oleh saudara-saudara kita di Gaza, Palestin. Perkara yang membanggakan di sini adalah usaha belia Malaysia membanting tenaga mengumpul sebanyak mana bantuan yang boleh diperolehi untuk dihantar kepada mereka yang lebih memerlukan. Walaupun perkara sebegini boleh dianggap klise, akan tetapi usaha seperti ini menunjukkan bahawa Belia Malaysia adalah sensitif dan prihatin terhadap perkembangan isu semasa dunia dan masih mempunyai daya pemikiran yang rasional dan sihat. Secara tidak langsung, ia telah melahirkan perasaan betapa Belia Malaysia benci terhadap keganasan. Namun, bagaimana pula dengan perasaan Belia Malaysia kini terhadap 'Belia Benci Jenayah' di negara sendiri? Adakah mereka akan lebih cenderung terlibat sama dalam aktiviti jenayah atau mereka akan berganding bahu bersama pihak berkuasa sebagai agen penghapus jenayah di negara tercinta kita.

Akhir kata dari meja CEO, saya ingin menyeru agar para belia di Malaysia supaya meneruskan kerja-kerja kesukarelaan secara berhemah. Golongan belia boleh menyertai berbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai Kementerian mahupun badan-badan NGO supaya usaha kepada kesejahteraan sejagat dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, Belia Malaysia harus mempertingkatkan kualiti diri dan membina kemahiran insaniah memandangkan pada asasnya belia merupakan aset dan agen kepada pembangunan Malaysia!

**Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
IPPBM



Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

## Sidang Redaksi

### PENAUNG

Datuk Prof. Madya Hj. Abd. Halim Sidek

### PENASIHAT

Hj. Zakariah Md. Sam

### KETUA PENGARANG

Dr. Sarjit S. Gill

### KETUA EDITOR

Nadya Shaffinaz Bajuri

### SIDANG PENGARANG

Mastura Mohamad

Shariffah Mamat

Nor Hamidah Hamzah

Shahhanim Yahya

Rizzal Dolah

Nuurul Mizaan Ya'cob

Hasnul Mubarak

### PUBLISITI

Raja Shahida Raja Hassan

Ariffin Abdul Rahman

Zanariah binti Shaarani

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada [info@ippbm.gov.my](mailto:info@ippbm.gov.my)

## QUOTE

*"What actions are most excellent? To gladden the heart of human beings, to feed the hungry, to help the afflicted, to lighten the sorrow of the sorrowful, and to remove the sufferings of the injured."*  
(Bukhari)

**M**asyarakat Malaysia menyambut Hari Integriti Nasional pada 5 November setiap tahun. Syabas dan tahniah kepada Institut Integriti Malaysia (IIM) yang komited untuk memperkasa integriti, iaitu budaya kerja beramanah dan berkualiti. Justeru pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 2004 telah berjaya membawa Negara ini ke arah satu mercu tanda dalam meningkatkan pembudayaan integriti. Tema sambutan Hari Integriti Nasional tahun ini, "Integriti Pemangkin Pembangunan Mapan," menarik untuk dibahas kerana negara kita sedang menuju ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Kejayaan Wawasan 2020 dan Misi Nasional banyak bergantung kepada komitmen dan kesedaran masyarakat terutama ahli politik. Ini kerana masyarakat akan terus memantau perkembangan dan perjalanan hala tuju negara dengan

Pembangunan kebendaan yang dikecapi telah banyak menghanyutkan generasi muda dalam kancah masalah sosial yang merugikan semua pihak. Pembangunan kerohanian perlu dijadikan teras dalam menentukan hala tuju pembangunan kemanusiaan dan kemasyarakatan agar kita memahami erti sebenar kehidupan. Kepincangan dalam sistem sosial masyarakat telah memberi kesan kepada pembangunan modal insan. Apakah pembangunan kebendaan menjanjikan kebahagiaan dalam kehidupan? Setiap agama menuntut umatnya menjalani kehidupan yang sederhana dengan mementingkan nilai integriti, iaitu kejujuran dan amanah. Kelemahan individu yang mencari jalan pintas untuk mendapatkan pembangunan material akhirnya memberi kesan kepada pembangunan kerohanian sehingga mereka taksub dengan nikmat duniawi.

secara kolektif. Rukun Negara menjadi satu wadah penting untuk menekankan benih integriti dalam pemikiran masyarakat. Benih ini perlu dibaja dan disemai secara ikhlas agar mendatangkan kekuatan dan kebanggaan kepada masyarakat dan Negara. Masyarakat perlu mengambil perhatian tentang tanggungjawab untuk memperkasa nilai integriti dalam kehidupan generasi muda.

Perlu ditegaskan pembudayaan integriti mengambil masa dan perlu dijadikan mauduk perbincangan yang berterusan antara pemimpin dan rakyat. Justeru hubungan antara pemimpin, pembuat dasar dan rakyat perlu berpusatkan integriti. Semangat 'kepimpinan melalui tauladan' untuk menyuntik mesej pembudayaan integriti amat perlu dalam mendidik ahli masyarakat.

Kita tidak mahu tema integriti hanya



# Memperkasakan Budaya Integriti BELIA

lebih dekat terutama selepas pasca 8 Mac.

Pembudayaan integriti perlu disemarakkan dan diperluaskan secara berterusan di kalangan generasi muda terutama golongan belia. Peranan belia cukup penting kerana mereka adalah aset masa depan negara. Belia perlu lebih prihatin dan berhemah untuk menegur mana-mana pihak yang cuba memperlekehkan soal integriti. Saya percaya belia sebagai agen sosial boleh membawa perubahan dalam memajukan masyarakat dan Negara. Belia perlu lebih terbuka dan proaktif dalam melontarkan gagasan integriti sebagai pemangkin pembangunan mapan.

Saya berpendapat pembudayaan integriti perlu disemai sejak dari kecil dengan ajaran agama sebagai teras membentuk modal sosial yang boleh meningkatkan pembangunan komuniti dan negara. Budaya hiburan yang melampau dan semakin berleluasa perlu dipantau oleh pihak berkuasa agar generasi muda tidak terus terbabas, liar dan tersasar dari tanggungjawab untuk menuntut ilmu, seterusnya membangunkan keluarga, masyarakat dan negara. Pembudayaan integriti perlu disuburkan dalam interaksi sosial kehidupan seharian masyarakat kita yang pelbagai kaum dan sifatnya. Kita perlu meraikan keunikan dan kepelbagaian kaum di Malaysia dengan mementingkan nilai integriti

dijadikan bualan di kedai kopi kerana melihat ahli politik mengamalkan integriti politik masing-masing.

Semoga ahli masyarakat kita terus memperkasa dan mendaulatkan nilai dan budaya integriti sebagai tunjang dalam pembinaan sebuah tamadun dan negara bangsa yang merdeka. Komitmen IIM wajar diberikan pujian dalam usaha membantu dan pendidik ahli masyarakat tentang pentingnya integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara berhemah dan bersepadu.

*Oleh : Dr. Sarjit S. Gill*



# Aspirasi Keusahawanan BELIA Terhadap Memupuk Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian Wawasan 2020


Penyelidik : En. Bukryman Sabri et. al.  
Fakulti Ekologi Manusia, UPM.

**K**onsep keusahawanan hanya popular dalam kalangan masyarakat Malaysia pada pertengahan tahun 1970-an. Konsep ini mula timbul dalam konteks penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), yang bertujuan menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Salah satu langkah yang boleh dilaksanakan ialah menambah golongan usahawan yang berjaya, iaitu dengan mewujudkan seberapa ramai usahawan yang melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam menguruskan perniagaan sendiri serta mempunyai daya tahan dan daya saing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995).

Jika dilihat pada hari ini, minat untuk menjadi usahawan bukan lagi merupakan sesuatu yang asing di kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi jika dibandingkan dengan mahasiswa-mahasiswa pada tahun 60-an dan 70-an dahulu. Pada hari ini, perkembangan yang pesat dalam pertumbuhan ekonomi negara ekoran daripada penglibatan masyarakat dalam bidang perniagaan.

Namun usaha ke arah pembentukan generasi yang membudayakan semangat keusahawanan ini adalah sesuatu yang amat dinantikan. Kita tidak boleh hanya mengharapkan minat dalam kalangan masyarakat terhadap bidang ini datang dengan sendirinya tetapi ianya perlulah disertakan dengan dorongan sebagai perangsang dan juga pembakar semangat untuk terus maju dan berjaya dalam bidang ini.

Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dijalankan untuk melihat aspirasi keusahawanan di kalangan mahasiswa yang dipilih menjadi responden. Ini adalah kerana aspirasi merupakan sesuatu perkara penting yang mempunyai hubungan dengan mahasiswa dan pendidikan. Mahasiswa adalah generasi yang akan menjadi tenaga, sumber dan modal insan bagi pembangunan negara pada masa akan datang.



Rajah 1: Model Pendidikan Keusahawanan Miller (Sumber: Zakaria (1998). *Perlaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan ke atas Aspirasi keusahawanan Pelajar*).


Terdapat beberapa perkara yang dinilai dalam kajian ini yang mana ianya berkaitan dengan kerjaya keusahawanan. Antaranya

merangkumi aspek sikap, amalan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan dan inventori minat kerjaya seperti kesukaan, kecekapan dan nama pekerjaan.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan mendapati, tahap amalan terhadap kerjaya keusahawanan ini tinggi di kalangan pelajar di ketiga-tiga institut belia ini. Walau bagaimanapun, ILP (69.2%) menunjukkan minat yang tinggi berbanding dengan IKBN (62.1%) dan Giat MARA (68.9%). Ini menunjukkan pelajar-pelajar berkemahiran ini mempunyai amalan yang positif dalam budaya keusahawanan. Oleh itu, kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan boleh merangka dan menyalurkan program-program yang berkaitan agar penyertaan mereka dalam bidang keusahawanan mampu menjana ekonomi negara yang semakin mencabar pada masa yang akan datang.

Manakala bagi aspek minat keusahawanan pula, dapatan kajian kategori minat terhadap kerjaya keusahawanan menunjukkan minat pelajar dari IKBN dan ILP yang sederhana iaitu sebanyak 56.6 peratus dan 49.8 peratus. Manakala pelajar dari Giat MARA (54.4 peratus) menunjukkan minat yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan pelajar Giat MARA yang suka melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan, perniagaan atau apa jua bentuk aktiviti yang cenderung ke arah bidang tersebut. Aspek latihan dan amali yang membentuk *hands-on* dan tahap pendidikan mereka juga mungkin mempengaruhi minat pelajar-pelajar Giat MARA ini.

Di samping itu, dari segi sikap terhadap kerjaya keusahawanan ini pula, majoriti responden dari Giat MARA dan ILP menunjukkan sikap yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan masing-masing iaitu sebanyak 61.8 peratus dan 60.3 peratus. Manakala pelajar dari IKBN memiliki sikap yang sederhana terhadap kerjaya keusahawanan sebanyak 50.2 peratus. Kemungkinan besar sikap ini bergantung mengikut pengalaman seseorang pelajar yang boleh mempengaruhi pelajar terhadap sesuatu perkara dan situasi, dimana pelajar ingin memberi komitmen yang tinggi ataupun tidak.



Rajah 2 : Personaliti membentuk tipologi Holland (1985)

Dapatan kajian menunjukkan semua pelatih dalam ketiga-tiga institusi mempunyai personaliti sosial yang rendah. Selain dari itu, pelatih Giat MARA menunjukkan trait personaliti tertinggi dari segi Investigatif, Artistik, Sosial, Berusaha/Ikhtiar dan Konvensional. Manakala IKBN menunjukkan trait tertinggi dari sudut Realistik. Secara amnya, keenam-enam personaliti mempunyai perkaitan yang signifikan dengan amalan, minat dan sikap pelatih terhadap keusahawanan. Ini jelas bermaksud personaliti mempengaruhi tahap amalan, minat dan sikap pelatih.

## Tahukah Anda

Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) di bawah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia adalah merupakan tabung amanah yang diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ia bertujuan untuk memberi pinjaman perniagaan kepada golongan belia. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) berperanan menyediakan dana pinjaman dan melantik institusi kewangan sebagai pengurus dana yang bertanggungjawab untuk memproses, mengeluarkan dan mengutip balik bayaran pinjaman. Keterangan lanjut sila layari url <http://www.mpeb.gov.my>.

# Budaya Membaca

## Amalan BELIA

Oleh Dr. Sarjit S. Gill

**G**olongan belia merupakan barisan pelapis yang seharusnya memiliki daya intelektual dan semangat untuk mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian. Budaya membaca telah berubah paksinya kerana tabiat membaca dalam kalangan generasi muda zaman kini ternyata berbeza dengan generasi belia pada era tahun 1960-1980an. Yang pasti, kini belia mempunyai 'citra' budaya membaca yang mementingkan bahan ringan yang bercorak hiburan berbanding ilmu pengetahuan. Soalnya, mengapakah belia kita kurang berminat mengamalkan budaya membaca yang sihat dan berterusan, sebaliknya membaca hanya sekadar untuk lulus peperiksaan sahaja?

Tahap pembacaan belia sudah meningkat, tetapi peningkatan itu lebih cenderung kepada bahan yang ringan, santai dan ada nilai hiburan. Di kedai buku, majalah hiburan lebih mendapat tumpuan berbanding majalah bersifat maklumat dan akademik, seperti Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Pemikir, Reader Digest, Newsweek, Health Today dan National Geography. Saya bimbang sikap kebanyakan belia kita memandang sepi nilai ilmu yang terkandung dalam majalah dan buku ilmiah.

Pemupukan minat membaca perlulah dilakukan sejak dari kecil. Tempoh ini amat penting kerana ketika ini kanak-kanak lebih mudah diajar dan akan sentiasa menuruti apa-apa yang dikehendaki. Keberkesanannya bergantung pada teknik yang digunakan. Ibu bapa memainkan peranan dalam usaha meningkatkan minat membaca generasi muda, terutama dalam aspek pendidikan. Setiap rumah perlu mempunyai perpustakaan dan ruang bacaan yang kondusif untuk pembelajaran. Ibu bapa perlu memupuk tabiat anak mereka untuk menggunakan masa lapang dengan membaca dan bukan untuk kegiatan yang kurang berfaedah. Yang perlu digalakkan ialah tabiat menganggap masa itu terbuang jika tidak digunakan untuk membaca. Ibu bapa tidak sewajarnya bersikap melepaskan batuk di tangga dan mempunyai harapan yang tinggi untuk melihat kejayaan anak mereka tanpa menghiraukan tahap pencapaian akademik mereka.

Sikap ibu bapa yang memandang prestasi dan pencapaian pendidikan anak dengan enteng membuka ruang baru kepada anak untuk terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat. Kesibukan sering kali menjadi alasan

untuk mempertahankan diri apabila diajukan soalan tentang masalah anak. Malah, ada juga ibu bapa yang masih menuding jari ke arah sekolah yang dikatakan gagal membentuk sahsiah anak.

Peranan agensi lebuah raya ilmu seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Arkib Negara Malaysia (ANM), Muzium Negara Malaysia (MNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga penting dalam menyebarkan pelbagai isu semasa yang berkaitan dengan kehidupan manusia dalam pelbagai kegiatan dan wacana ilmu. Pihak ANM juga aktif menganjurkan seminar sejarah untuk pelajar sekolah dan universiti. Justeru majalah terbitan DBP seperti Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Pelita Bahasa juga perlu disebarluaskan sehingga ke peringkat sekolah rendah lagi. Justeru rakyat Malaysia boleh menggunakan internet, iaitu melalui portal rasmi pelbagai agensi kerajaan seperti DBP yang aktif menjalankan kegiatan ilmu. Kaedah yang digunakan oleh DBP ini banyak membantu masyarakat khususnya generasi muda untuk mendapatkan maklumat secara cepat dan mesra pengguna.

Peranan semua ahli masyarakat dalam menerapkan budaya membaca perlu dimantapkan dari semasa ke semasa melalui pelbagai kegiatan ilmu seperti seminar, pameran, pesta buku, dan sebagainya. Sekiranya semua keluarga menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk memupuk semangat dan budaya membaca, maka hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan di rantau ini pasti tercapai dengan jayanya. Semua lapisan masyarakat perlu bersatupadu dan memainkan peranan yang lebih proaktif untuk memperkasa budaya membaca agar generasi akan datang akan terus subur dari aspek kerohanian, fikiran dan sahsiah.

Secara keseluruhannya, sistem pendidikan perlu lebih menggalakkan manusia mencintai ilmu, menggalakkan manusia membaca, dan terus menuntut ilmu sepanjang hayat, dan bukannya berhenti selepas mendapat segulung ijazah. Hakikat pahit yang perlu ditelan adalah masyarakat sebenarnya tidak mencintai ilmu, tetapi "menggunakan" ilmu untuk berseronok dengan hiburan dan kesenangan kebendaan. Secara ringkas, budaya membaca perlu disemai dan disuburkan dalam jiwa dan minda golongan belia secara konsisten dan berterusan supaya kita dapat membina modal insan yang berkualiti.

### Info Radio Belia

KBS dan Xfresh FM telah bekerjasama bagi mewujudkan **Program Radio Belia**. Ia telah dilancarkan pada 5 Mac 2009 oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Dato Sri Ismail Sabri Yaakob. Beberapa segmen yang disediakan seperti 'X-Band 101' @ 'Zon Planet X' dapat memberi peluang golongan belia menunjukkan bakat mereka, menimba ilmu serta pengetahuan dalam bidang muzik. Malah ruangan untuk belia menyampaikan luahan dan pendapat dalam perkembangan isu semasa turut diadakan dalam segmen 'Zon Debat X', 'Papan X' dan 'X (Tidak) Puas Hati'. Info selanjutnya sila hubungi En. Zailani di talian 03 - 8871 3291. Selamat mendengar Radio Belia melalui saluran 103.0fm bagi pendengar di Lembah Klang.



## PANDUAN LAYARI LAMAN WEB

**L**aman Pemetaan Belia Malaysia merupakan satu portal yang dibangunkan menggunakan aplikasi *Geographic Information System (GIS)*. Portal ini memuatkan 126 peta yang dibentuk berdasarkan data-data semasa yang diperolehi daripada agensi-agensi kerajaan dan data hasil kajian. Taburan data yang sistematik mengikut kawasan-kawasan yang telah diplotkan akan memudahkan semua pihak mengenalpasti sumber, kemudahan dan maklumat-maklumat asas berkaitan belia. Kaedah yang ringkas dan mudah perlu difahami sebelum data pada laman melalui url <http://petabelia.kbs.gov.my> dapat dicapai iaitu :

1

Buka aplikasi pelayar web Internet Explorer



2

Taip alamat <http://petabelia.kbs.gov.my> di laman web Pemetaan Belia di ruangan alamat dan muka hadapan berikut akan dipaparkan, klik butang masuk



Untuk pengguna yang pertama kali membuat akses ke laman ini paparan skrin berikut akan dipaparkan, klik ok untuk memuat turun perisian Adobe SVG viewer.



3

Laman untuk memuat turun adobe SVG viewer. Klik Run untuk memulakan muat turun.




4

Setelah selesai install adobe SVG viewer, taip semula ke laman pemetaan belia dan skrin berikut akan dipaparkan, klik pada Accept dan skrin default akan dipaparkan.




5

Seterusnya pengguna boleh memilih kategori peta yang dikehendaki pada menu di sebelah kanan dan paparan peta yang dipilih akan dipaparkan dan gerakkan tetikus di atas sempadan daerah untuk melihat paparan data.



Contoh :  
Peta Umum – Populasi Belia Mengikut Daerah



Selamat melayari laman Pemetaan Belia Malaysia, paparan selanjutnya akan dimuatkan pada keluaran akan datang.

# Luncheon Talk

**I**nstitut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah berjaya menganjurkan Program Luncheon Talk Sesi 1-2009 pada 3 Mac 2009. Bagi meneruskan usaha mempertingkatkan lagi motivasi bagi kumpulan profesional dan pengurusan tertinggi di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), IPPBM telah mengumpulkan Pegawai Belia dan Sukan untuk menyertai program tersebut. Program pada kali ini telah menjemput Dr. Sarjit Singh S. Gill yang merupakan Ahli Antropologi Sosial dari Universiti Putra Malaysia, juga merangkap Felo Adjung IPPBM. Beliau telah membentangkan isu 'Kehendak Belia Minoriti : Peranan Pegawai KBS'.

Perbincangan program lebih memfokus kepada sub-topik seperti definisi kelompok minoriti, cabaran belia minoriti, kehendak belia minoriti dan peranan pegawai kbs dalam menangani kehendak belia minoriti. Dr. Sarjit menegaskan bahawa kelompok ini seringkali berhadapan

dengan pelbagai cabaran dalaman mahupun luaran. Kehendak kelompok tersebut seringkali diabaikan oleh pelbagai pihak berkuasa dalam pembangunan fizikal, ekonomi, sosial mahupun politik. Justeru itu, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu mengambil langkah secara bersepadu dan kolektif membantu kelompok minoriti dalam mengisi agenda pembangunan. Ini kerana kelompok tersebut juga memerlukan perhatian memandangkan mereka juga dalam golongan belia yang menjadi aset masa depan negara. Malahan komuniti belia minoriti turut berperanan sebagai agen sosial dan perubahan dalam agenda pembaharuan negara.

Maklumbalas yang diperolehi menunjukkan bahawa peserta begitu komited mengikuti program tersebut di samping menggembelng idea untuk meneruskan usaha bagi mendekati kelompok belia minoriti dalam pembangunan belia Malaysia. Justeru itu, kumpulan profesional dan pengurusan tertinggi di KBS bersifat lebih terbuka dalam merancang pelbagai program tanpa mengabaikan kelompok minoriti di Malaysia.



## KALENDAR PENYELIDIKAN & PROGRAM IPPBM JANUARI – MEI 2009

BIL	BULAN	PENYELIDIKAN
-----	-------	--------------

### Kajian Isu Pembangunan Belia

1	Jan – Mac	Kajian Gejala Sosial
2	Jan – Mei	Kajian Keberkesanan Dasar Pembangunan Belia Negara
3	Jan – Mei	Penyeliaan Geran Penyelidikan
4	Jan – Mei	Kajian Pemetaan Belia Malaysia
5	Mac – Mei	Kajian Indeks Belia
6	Mac – Mei	Projek Kajian Profil Belia

### Kajian Pendapat Awam Isu Semasa

7	Jan - Mac	Kajian Isu Ekonomi
8	April - Mei	Isu Teknologi Maklumat & Aeroangkasa

### Kajian Impak dan Keberkesanan Program KBS

9	Jan – Mac	Kajian Impak dan Keberkesanan Program Khidmat Masyarakat Skwad Sukarelawan Remaja Rakan Muda – UNICEFF
10	Feb – April	Kajian Impak dan Keberkesanan Kursus yang dianjurkan oleh Akademi Pembangunan Belia Malaysia
11	Mac - Mei	Kajian Penggunaan Kompleks Rakan Muda
12	Mac - Mei	Kajian Impak dan Keberkesanan Kem Rakan Muda Jiran Muda Siri 1 & 2
13	Mac - Mei	Kajian Impak dan Keberkesanan Program Komuniti Belia Remaja (Y2Y) 2009
14	Mac – Mei	Kajian Impak dan Keberkesanan Kad Keahlian Rakan Muda
15	Mei	Kajian Impak dan Keberkesanan Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT (RMWD IPT)
16	Mei	Kajian Mengesan Bekas Pelajar Bagi Menentukan Tahap Pencapaian Misi Penubuhan IKBN Dari Aspek Mewujudkan Belia Yang Berkeusahawanan

BIL	BULAN	PROGRAM
-----	-------	---------

1	Mac	Luncheon Talk : "Kehendak Belia Minoriti : Peranan Pegawai KBS"
2.	April	Roundtable Discussion: "Strategy & Mind Set of Obama: Impact & Change On Youth"

# FACT SHEET : WORKING WITH & DEVELOPING YOUNG PEOPLE

**I**n a society that blames young people for lots of its problems, it's easy to forget about the more pressing issues that have an effect on a nation. Global warming, rising fuel costs, and inflation are just a few to mention, however the stigma surrounding young people still seems to be taking precedent over such life threatening as well as current issues.

The fact of the matter is that further and higher education numbers continue to grow, and the UK's unemployment percentage has significantly decreased over recent years according to the Higher Education Statistics Agency. Young people themselves have contributed to the rising employment and education percentages (other considerations have to be taken into account, such as a migration of foreign students and workers etc); nonetheless, they are still constantly stigmatized, and labeled as being a cause towards many national and global issues.

Ultimately, young people need guidance, stimulation and support. They are still trying to establish themselves in society, and find their footing and direction. The following points illustrate a number of ways in which young people can be supported during their quest for belonging and self-worth.

## Active Listening

So many people (including professionals

and parents) try to do what's best for young people; however sometimes they forget that what's best, may not necessarily be what young people want to do, or be in their best interest. Furthermore, even if it is in their best interest, they themselves need to derive at this decision in their own time. If they are pushed, they will pull away.

Actively listening to young people involves listening to what they are saying, not what one thinks they are saying, and as a result taking action based on what their needs are. There may be a number of things they want to do, however it is the adult's job to provide them with a number of choices that will provide an effective method. So many young people get up to mischief and hang around the streets based on boredom, and there being nothing that they want to do. The way to combat this is to simply listen.

## Signpost to Services

Whether a parent, guardian or youth work professional, you alone may not be able to meet young people's needs, and there is no harm or shame in gaining a little extra help. Whether you're involving recreational, personal or family support to assist with meeting young people's needs, the principle still applies. Not only will seeking out necessary assistance help with young people's development, it will also assist with yours, as you will gain insight and guidance as to the needs the young people around you may have.

## Give and Receive Respect

This principle is very important when considering building up either a professional or personal relationship with young people. If you show them little respect and label them as "rotten apples", they will in turn act the way you treat them. Furthermore, if you don't respect young people, and show them that you have no respect for others, how can you expect them to show you respect? The fact of the matter is that young people (as well as everyone else) learn through observing the behavior of others.

Social Learning Theory, specifically the work of Albert Bandura suggests exactly that, and emphasizes the fact that behavior is observed and imitated [General Learning Press, 1977]. From this it can be seen that if young people think highly of you, they will be more likely to emulate your behavior.

## A Final Thought

The key to working with young people, whether personally or professionally is to provide them with guidance, stimulation and support. Lots of people look at young people as trouble-makers, and as causes for various forms of anti-social behavior. Some young people do become involved in such behavior, but rather than label them as "bad apples", why not ask the question of "why did they get involved in such activity?"

- Source : <http://www.source101.info>


## Ulasan Buku Pilihan

### PSIKOLOGI SOSIAL ALAM REMAJA

Penerbit : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.  
Penulis : Azizi Yahya et. al.  
Tahun : 2006  
Halaman : 328

**Psikologi Sosial Alam Remaja** menekankan kepentingan membentuk peribadi remaja melalui pembentukan konsep sendiri. Buku ini menggabungkan kepakaran psikologi dan kaunseling dalam menentukan hala tuju remaja. Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah :

- Pembentukan sikap
- Memahami diri sebenar yang ideal
- Teknik mengenal diri
- Prasangka dan diskriminasi
- Persekitaran dan kesihatan sosial.




### HOW TO DEVELOP SELF-CONFIDENCE & INFLUENCE PEOPLE BY PUBLIC SPEAKING

Penerbit : Pocket Books  
Penulis : Dale Carnegie  
Tahun : 1956  
Halaman : 245

Dale Carnegie shows how to :

- Develop poise
- Gain self-confidence
- Improve your memory
- Make your meaning clear
- Begin and end a talk
- Interest and charm your audience
- Improve your diction
- Win an argument without making enemies



**How To Develop Self-Confidence & Influence People By Public Speaking** also offers hundreds of practical and valuable tips on influencing the important people in your life : your friends, your customers, your business associates, your employers.

The information in this book has been tested and used successfully by more than one million students in the world-famous Dale Carnegie Course in Effective Speaking and Human Relations.

\* Buku-buku tersebut boleh diperolehi di Pusat Sumber IPPBM.